

SUNGAI PERAK: SEJARAH DAN PERADABAN

SUNGAI PERAK: ITS HISTORY AND CIVILIZATION

Faizah Mohd Fakhruddin¹

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,
(E-mail: faizah.mf@utm.my)

Article history

Received date : 5-9-2022
Revised date : 6-9-2022
Accepted date : 11-11-2022
Published date : 12-11-2022

To cite this document:

Mohd Fakhruddin, F., (2022). Sungai Perak: Sejarah Dan Peradaban. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(49), 106 - 117.

Abstrak: Sungai merupakan nadi bagi sesuatu peradaban sejak zaman-berzaman. Ini terbukti dengan kewujudan tamadun-tamadun hebat di dunia seperti tamadun Cina, India, dan Mesir di lembah-lembah sungai. Demikian juga halnya dengan Sungai Perak yang mempunyai sejarahnya tersendiri dan ia juga memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sosial, ekonomi, dan politik peradaban Melayu di negeri Perak. Sejarah membuktikan bahawa terdapat hubungan kebergantungan antara masyarakat dan sungai dalam peningkatan kemajuan teknologi yang seterusnya mencetus peradaban yang lebih eksentrik dari aspek material dan bukan material. Misalnya, sejak zaman Paleolitik lagi, kawasan di hulu Sungai Perak merupakan lokasi yang strategik untuk dijadikan penempatan manusia kerana sumber air dan makanan, serta batu kelikir yang terdapat di sekitarnya. Selain itu, Sungai Perak juga merupakan pemangkin sosioekonomi negeri Perak kerana aktiviti perlombongan bijih timah dan sebagai pelabuhan serta pusat perdagangan bagi aktiviti import dan eksport secara domestik dan antarabangsa. Kemudian, sungai juga ialah jalan utama yang membawa agama seperti Hindu-Buddha dan Islam untuk tersebar luas buat masyarakat Perak. Penyebaran Islam khususnya, memberi kesan yang amat mendalam kepada aspek bersifat bukan material seperti perundangan, sistem pemerintahan beraja, serta revolusi pemikiran, terutamanya dalam menentang penindasan penjajah terhadap orang Melayu di Perak. Sungai Perak kekal menjadi penguat semangat anak negeri dalam menjunjung keaulatan Perak agar sentiasa terlestari walau ditembusi arus permodenan.

Kata Kunci: Sungai Perak, Peradaban Negeri Perak, Kemajuan Material dan Bukan Material, Pemangkin Sosioekonomi, Penyebaran Agama

Abstract: The river has been the kernel of civilization for ages. This is evident in the existence of great civilizations in the world such as the Chinese, Indian, and Egyptian civilizations in the river valleys. A similar case is found in the Sungai Perak which has its history and it also plays an important role in the social, economic, and political development of the Malay civilization in the state of Perak. History proves that there is a relationship of interdependency between society and the river in the development of technological progress. This in turn becomes an impetus for a more eccentric civilization that is imbued with material and non-material components. It is evident since the Paleolithic period, that the upstream of the Sungai Perak has been a strategic location for human settlements due to its water and food resources, as well as the gravel found in the vicinity. In addition, Sungai Perak is also seen as the catalyst for

socioeconomic development in the state of Perak due to its tin mining activities, its role as a port and a trading centre for import and export activities both at domestic and international levels. Furthermore, the river was the main route that led religions such as Hindu-Buddha and Islam to spread widely in Perak. The spread of Islam, in particular, had a profound implication on the state's non-material development aspects such as jurisprudence, monarchy system, and the intellectual revolution, especially against colonial oppression of the Malays in Perak. Sungai Perak remains to sustain its role as an inspiration for Perak in upholding its sovereignty despite modernisation.

Keywords: *Sungai Perak, the civilization of Perak, material and non-material development, catalyst of socioeconomic development, spread of religions*

Pengenalan

Sungai merupakan salah satu elemen semulajadi yang dimanfaatkan oleh manusia sejak zaman-berzaman. Ia penyubur tanah di lembah, membekalkan sumber protein serta sumber penjana tenaga untuk kemaslahatan insan. Sejarah telah membuktikan pelbagai tamadun dan peradaban gah berhampiran sungai serta lembah seperti tamadun Cina, India, dan Mesir yang wujud berkurun lamanya. Demikian juga halnya dengan Sungai Perak. Sungai ini adalah sungai kedua terpanjang di semenanjung Malaysia. Ia mengalir sepanjang 400 kilometer dari bahagian utara iaitu Hulu Perak hingga ke selatan iaitu di Bagan Datoh sebelum bertemu Selat Melaka.

Sungai Perak amat kaya dengan warisan khazanahnya yang tersendiri. Malah, nama negeri Perak itu sendiri diambil daripada tradisi penduduk di sekitar salah satu anak sungai iaitu Chegar Galah, Kuala Kangsar yang menggelarnya sebagai Sungai Perak kerana terdapat banyaknya ikan berwarna perak dan putih di kawasan tersebut. Pada asalnya, anak sungai tersebut berakhir di Sungai Dinding. Namun, aliran sungai berubah dan ia berakhir di Teluk Intan seperti mana yang kita dapati sekarang akibat terjadinya banjir besar suatu ketika dahulu. Lama-kelamaan, bilangan penduduk yang menempati lembangan sungai tersebut bertambah dan mereka dikenali sebagai penduduk negeri Perak (Abdul Halim, 1997). Antara penempatan terkenal yang direkodkan pernah wujud pada awal kurun ke-19 di sepanjang Sungai Perak adalah Sirih, Palawat, Pakolit, Dalang, Simpang Binjai, Tomanda, Tanjong Putus, Harrowan, Dorian, Batu Kubit Jejawi, Udang Abu, Jelawat, Matania, Kubu serta kampung-kampung di Kuala Bidor seperti Rasau Rabali, Kijai, Teluk Chang Kalibat, Checkossan, Sirdang, dan Krang (Khoo, 1982). Namun, selepas awal kurun ke-19, terdapat banyak perubahan berlaku. Telah muncul beberapa kampung penting seperti Teluk Mak Intan, Batak Rabbit, Durian Sebatang, dan Pasir Berdamar yang terletak 10 kilometer ke bawah Kuala Bidor.

Sungai Perak ini tenang mengalir melewati kampung-kampung tradisional, rumah ibadat, bangunan-bangunan dan lokasi-lokasi bersejarah, istana persemayaman para sultan, serta makam-makam diraja yang menyimpan pelbagai nostalgia dan sejarah kisah kepahlawanan, kesetiaan, penderhakaan, kegemilangan institusi beraja, serta kepesatan ekonomi.

Peradaban Masyarakat Paleolitik

Kepentingan Sungai Perak telah dibuktikan dengan kewujudan peradaban sejak zaman prasejarah lagi iaitu sekitar 100,000 hingga 200,000 tahun dahulu di sekitar kawasan Hulu Perak (Mokhtar, 2006). Ia dipercayai sebagai tempat pilihan utama masyarakat prasejarah yang menjadi tempat penghunian tertua di Malaysia. Ini disebabkan keistimewaan yang terdapat di hulu Sungai Perak. Kepelbagaian flora dan fauna sebagai sumber makanan, bekalan air, sistem

saliran, dan kewujudan banyak kelikir sungai yang terdapat di hulu Sungai Perak ini merupakan faktor penting untuk dijadikan sebagai kawasan penempatan.

Penggunaan kelikir di Sungai Perak menandakan anjakan kemajuan peradaban bagi masyarakat prasejarah. Misalnya, kawasan di Kampung Ayer Jada, Lawin ditemui sebagai pusat aktiviti pembuatan alat batu atau alat pebel. Jumlah kelikir yang banyak dan tebal yang terdapat di situ dijadikan bahan asas penghasilan alat pebel seperti alat repehan, alat pebel unifas, alat penetak, dan paleobeliung (Mokhtar, 1998; Mokhtar & Jeffrey, 2007). Kegunaan alat-alat ini sangat bermanfaat dalam kehidupan mereka kerana ia digunakan sebagai alat utama ketika berburu di sekitar sungai dan tasik. Begitu juga keadaannya di Bukit Jawa (Zuraina, 1997), Kota Tampan (Zuraina, 1989), Kampung Temelong (Mokhtar, 1997) dan Bukit Bunuh, Lenggong (Mokhtar, 2006). Maka, amat jelaslah bahawa terdapat hubungan kebergantungan antara masyarakat dan sungai dalam peningkatan kemajuan teknologi yang seterusnya mencetus peradaban yang lebih eksentrik dari aspek material dan bukan material.

Peranan Sungai Perak dalam Penyebaran Agama

Sungai Perak juga menjadi saksi kepada penyebaran ajaran agama yang mempengaruhi gaya hidup masyarakat yang menghuni di sekitarnya. Agama yang dimaksudkan termasuklah agama Hindu-Buddha dan Islam. Selain daripada Lembah Bujang yang terkenal sebagai sebuah pusat agama Hindu-Buddha yang terkenal di Nusantara, tempasnya juga didapati di sekitar lembangan Sungai Perak. Buktinya, sebuah arca Budhisatta Avolokitesvara yang mempunyai lapan tangan, berketinggian 93.3cm seberat 140 paun telah dijumpai oleh syarikat lombong timah Anglo-Oriental di Bidor pada tahun 1936 (Abdul Halim, 2005). Selain itu, arca yang diperbuat daripada gangsa dan tembaga juga dijumpai di Jalung, Sungai Siput, dan di Pangkalan Pagoh, Lembah Kinta. Ini membuktikan bahawa pengaruh ajaran Hindu-Buddha sudah ada bertapak di lembangan Sungai Perak dan masyarakatnya menganut serta mengamalkan ajaran tersebut. Namun begitu, tidak dapat disangkal juga bahawa pengaruh Islam turut mempunyai impak yang besar terhadap institusi politik dan sosial masyarakat di sekitar Sungai Perak.

Pada abad ke-15 iaitu sebelum wujudnya kerajaan kesultanan Melayu Perak, terdapat sebuah kerajaan kecil bersifat kedaerahan di pinggir Sungai Perak yang diperintah oleh seorang wanita yang dikenali sebagai Tuk Temung atau Tuk Masuka. Ia dikenali sebagai kerajaan Beruas dan merupakan kerajaan Islam terawal di Perak. Kesenambungan kerajaan kesultanan Melayu Perak diteruskan dengan lantikan Sultan Mudzaffar Shah iaitu putera kepada Sultan Mahmud Syah Melaka pada tahun 1528 sebagai Sultan Perak yang pertama. Tampuk pemerintahan seterusnya diwarisi oleh 34 sultan Melayu beragama Islam yang teguh mendokong syariat agama tersebut (Abdul Halim, 2005).

Pengaruh agama Islam jelas terpancar dengan lantikan Shaikul-Islam apabila Sultan Iskandar Shah (1918-1938), Sultan Perak yang ke-30 melantik seorang alim Islam di Teluk Anson bernama Sheikh Muhammad Saleh yang berasal dari Minangkabau. Selain itu, tugas menyebarkan ajaran Islam juga dilaksanakan sendiri oleh baginda Sultan Iskandar Shah yang kerap mencemar duli dan memberi titah ucapan mengenai ajaran agama Islam kepada rakyat baginda di kampung-kampung dan di bandar-bandar.

Pengaruh Islam yang dibawa masuk oleh para pendakwah Islam melalui jalan air juga ternyata mempengaruhi sistem perundangan negeri Perak. Sistem perundangan Perak yang digelar Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan dipercayai diasaskan oleh Sayid Hussain al-Faradz yang berasal dari Hadramaut. Beliau telah datang ke Perak pada kurun ke-17 iaitu pada zaman

pemerintahan Sultan Perak ke-11 iaitu Sultan Mahmud Iskandar Shah (1653-1720). Seperti namanya, undang-undang mempunyai 99 perkara undang-undang. Ia dijadikan sebagai dasar hal ehwal Kesultanan Melayu Perak. Ia mula dilaksanakan pada zaman pemerintahan Sultan Idris Murshidul'azam Shah iaitu sejak 1887 hingga 1900. Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan adalah bukti garis panduan undang-undang yang dipengaruhi oleh ajaran agama Islam berbanding peraturan sebelumnya yang dipengaruhi ajaran Hindu (Azniza, Suria Fadhillah & Mohamad Azmi, 2015).

Selain itu, masjid-masjid yang dibina sekitar Sungai Perak juga adalah tanda ajaran Islam diamalkan dalam urusan ibadah khusus di Perak. Masjid Ubudiah misalnya dibina oleh Sultan Idris Murshidul'adzam Shah (1887-1916) di Kuala Kangsar kerana baginda bernazar untuk mendirikan masjid tersebut sekiranya kesihatan baginda beransur pulih setelah dirawat di Port Dickson. Maka, ditakdirkan baginda dikurniakan kesihatan oleh Allah SWT dan baginda pun menunaikan nazarnya yang mulia itu. Keindahan senibinanya yang dipengaruhi oleh senibina Moor merupakan ciptaan yang tinggi mutunya. Baginda Sultan Idris Murshidul'adzam Shah meletakkan batu asas masjid tersebut pada 26 September 1913 namun, baginda tidak sempat merasmikannya kerana masjid tersebut siap sepenuhnya pada tahun 1917 iaitu setahun selepas baginda mangkat. Perasmian dilakukan oleh pengganti baginda, Sultan Abdul Jalil Karamatullah Shah (1916-1918).

Sama seperti Masjid Ubudiah, sebuah lagi masjid yang diberi nama Masjid Ridzuaniah juga dibina pada zaman pemerintahan Sultan Idris Murshidul'adzam Shah iaitu pada tahun 1915. Ajaran Islam yang menggalakkan institusi wakaf jelas diaplikasikan oleh baginda apabila baginda mewakafkan sebidang tanah milik baginda untuk tapak pembinaan masjid tersebut dan segala perbelanjaan pembinaan masjid adalah dari sumber wang wakaf baginda sendiri. Sebuah badan bernama "Sultan Idris Religious and Charitable Trust" pula dipertanggungjawabkan untuk mengelola urusan penyelenggaraan masjid. Masjid ini juga mengalami beberapa siri pindaan terutama bagi memperbesar kawasan masjid bagi menampung bilangan jemaah yang bertambah di pekan Kuala Kangsar.

Sungai Perak Saksi Pemerintahan Institusi Kesultanan Melayu Perak

Sejak berkurun lamanya, penempatan pusat pemerintahan di lembangan Sungai Perak menjadi tradisi bagi negeri Perak. Berahman Indera (Bota Kanan), Pulau Tiga, Chempaka Sari, Batak Rabbit, Durian Sebatang, Teluk Penadah, Pulau Juar, Pulau Semat, Pulau Indera Sakti, Bandar Tua, Sayong, Kota Lama Kanan, Tanjung Belanga, dan Bukit Chandan merupakan pusat pemerintahan yang terletak di tepi tebing kanan dan kiri Sungai Perak. Kesultanan Melayu Perak bermula 492 tahun yang lampau iaitu pada 1528 apabila Sultan Mudzaffar Shah I (1528-1549) yang berketurunan Sultan Melaka (baginda ialah putera sulung Sultan Mahmud Shah iaitu Sultan Melaka yang terakhir) dilantik sebagai Sultan Perak yang pertama. Sejarah menghidkayatkan bahawa ketika perjalanan baginda dari Kampar, Sumatra ke Perak bersama permaisurinya Tun Terang, putera baginda Raja Mansur dan pengiring-pengiring, bahtera diraja berdepan dengan ribut secara tiba-tiba apabila mereka sampai di kuala Sungai Perak. Bahtera itu kemudiannya tersangkut di satu beting pasir yang wujud di tengah-tengah sungai. Baginda lalu berseru:

*"Sekongkong Tanah Minangkabau
Selilit Pulau Perca
Di lengkong ular Saktimuna
Perpisahan Beta di selat Melaka
Jika Sah Beta Raja berdaulat
Lepaslah sekalian malapetaka."*

Dalam riwayat yang lain, baginda dikatakan berseru:

*"Selikit Tanah Minangkabau
Selengkung Pulau Perca
Dilindungi ular sakti muna
Sebenarnya aku menjadi Raja
Jauhkan segera mala petaka
Perpisahan aku di Selat Melaka."*

Sejurus selepas itu, bahtera baginda bergerak dan berlabuh di daratan yang sekarang ini dikenali sebagai Beting Beras Basah. Orang-Orang Besar dan sekalian rakyat yang kagum dengan peristiwa tersebut menyambut kedatangan baginda dengan ucapan, "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali berturut-turut sebagai bukti taat setia yang tiada berbelah bagi kepada baginda. Baginda telah ditabalkan di satu tempat bernama Tanah Abang yang kini dikenali sebagai Teluk Bakung (Mohd Sabrizzaa, Norhasandi & Sufian, 2009; Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Perak, n.d). Peristiwa ini diperingati dengan penyempurnaan istiadat Mencecah Kaki di Beting Beras Basah bagi istiadat pertabalan Sultan Perak yang baru dilantik.

Jadual 1: Senarai Kesultanan Melayu Perak dan Pusat Pemerintahan

Bil.	Sultan	Tahun Memerintah	Pusat Pemerintahan
1	Sultan Mudzaffar Shah I	1528-1549	Tanah Abang Kota Lama Kanan
2	Sultan Mansur Shah I	1549-1577	Kota Lama Kanan
3	Sultan Ahmad Tajuddin	1577-1584	Jalong, daerah kecil Sungai Siput, Kuala Kangsar Geronggong, Mukim Pulau Tiga, Kampung Gajah
4	Sultan Tajul Ariffin	1584-1594	Pulau Semat
5	Sultan Alauddin Shah	1594-1603	Bota
6	Sultan Mukaddam Shah	1603-1619	Tiada maklumat
7	Sultan Mansur Shah II	1619-1627	Tiada maklumat
8	Sultan Mahmud Shah	1627-1630	Geronggong, Mukim Pulau Tiga, Kampung Gajah
9	Sultan Sallehuddin	1630-1636	Tiada maklumat
10	Sultan Mudzaffar Shah II	1636-1653	Air Mati, Padang Changkat, Lambor Kanan
11	Sultan Mahmud Iskandar Shah	1653-1720	Geronggong, Mukim Pulau Tiga, Kampung Gajah
12	Sultan Alauddin Mughayat Shah	1720-1728	Geronggong, Mukim Pulau Tiga, Kampung Gajah
13	Sultan Mudzaffar Shah III	1728-1752	Berahaman Indera (Bota Kanan)

14	Sultan Muhammad Shah	1744-1750	Kuala Kangsar
15	Sultan Iskandar Dzulkarnain	1752-1765	Pulau Tiga
16	Sultan Mahmud Shah (Marhum Muda)	1765-1773	Pulau Chempaka Sari (Pulau Indera Sakti)
17	Sultan Alauddin Mansur Shah	1773-1786	Pulau Chempaka Sari (Pulau Indera Sakti) Pasir Pulau, Pulau Besar Rantau Panjang Indera Mulia
18	Sultan Ahmaddin Shah	1786-1806	Tiada maklumat
19	Sultan Abdul Malik Mansur Shah	1806-1825	Bandar Baru
20	Sultan Abdullah Muazzam Shah	1825-1830	Teluk Kepayang
21	Sultan Shahabuddin Riayat Shah	1830-1857	Kampung Tanjung Penangguk, Kampung Gajah
22	Sultan Abdullah Muhammad Shah	1851-1857	Durian Sebatang
23	Sultan Jaafar Mua'zzam Shah	1857-1865	Pasir Panjang
24	Sultan Ali Al-Mukammal Inayat Shah	1865-1871	Sayong, Kuala Kangsar
25	Sultan Ismail Mua'abidin Riayat Shah	1871-1874	Belanja
26	Sultan Abdullah Muhammad Shah II	1874-1876	Kuala Kangsar
27	Sultan Yusuf Sharifuddin Mudzaffar Shah	1886-1887	Sayong Tebing
28	Sultan Idris Murshidul'azam Shah	1887-1916	Bukit Chandan, Kuala Kangsar
29	Sultan Abdul Jalil Karamatullah Shah	1916-1918	Bukit Chandan, Kuala Kangsar
30	Sultan Iskandar Shah	1918-1938	Bukit Chandan, Kuala Kangsar
31	Sultan Abdul Aziz Al- Mutasim Billah Shah	1938-1948	Bukit Chandan, Kuala Kangsar
32	Sultan Yussuf Izzuddin Shah	1948-1963	Bukit Chandan, Kuala Kangsar
33	Sultan Idris Iskandar Shah II	1963-1984	Bukit Chandan, Kuala Kangsar
34	Sultan Azlan Muhibbuddin Shah	1984-2014	Bukit Chandan, Kuala Kangsar
35	Sultan Nazrin Muizzuddin Shah	2014-kini	Bukit Chandan, Kuala Kangsar

Sumber: Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Perak (<http://sultan.perak.gov.my/index.php/informasi-kesultanan/senarai-sultan-perak>)

Kesultanan Melayu Perak melestarikan tradisi mendirikan pusat pemerintahan mereka di sepanjang lembangan Sungai Perak. Jadual 1 menunjukkan senarai Sultan Perak dan juga lokasi pusat pemerintahan para baginda Sultan. Sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual tersebut, pusat pemerintahan Kesultanan Perak kebanyakannya terletak di tebing sebelah kanan Sungai Perak. Hanya pada akhir kurun ke-18 iaitu bermula pada tahun 1887, pusat pemerintahan terletak di tebing sebelah kiri Sungai Perak iaitu di Kuala Kangsar. Sultan Perak ke-28; Sultan Idris Murshidul'azam Shah (1887-1916) merupakan Sultan Perak yang mula-mula memindahkan pusat pemerintahannya ke Kuala Kangsar disebabkan Sayong seringkali ditenggelami air apabila air sungai melimpah. Baginda bersemayam di istana yang didirikannya di atas bukit berhampiran Batang Hari yang kemudiannya dikenali sebagai Bukit Chandan. Bukit Chandan dinamakan sedemikian bersempena nama gajah kesayangan baginda bernama Kulup Chandan (Jabatan Muzium Malaysia, 2004).

Istana-istana persemayaman dan makam-makam diraja yang bertaburan di sepanjang lembangan Sungai Perak adalah bukti kewujudan pusat pemerintahan yang berubah-ubah dari satu tempat ke tempat lain. Misalnya, Sultan Perak ke-15; Sultan Iskandar Dzulkarnain (1752-1765) menjadikan Pulau Chempaka Sari atau digelar juga Pulau Indera Sakti sebagai pusat pemerintahannya. Disebutkan dalam Misa Melayu karya Raja Chulan, sebuah istana gah setinggi tujuh tingkat telah didirikan di situ oleh tukang-tukang rumah yang berkemahiran dalam teknik pertukangan serta seni ukiran (Abdul Halim, 2005). Selain itu, terdapat juga Istana Hulu atau dikenali juga sebagai Istana Kota yang dibina di Kuala Kangsar, di tebing sebelah kiri Sungai Perak pada tahun 1898. Ia merupakan tempat bersemayam Sultan Perak ke-28; Sultan Idris Murshidul'azam Shah (1887-1916). Istana Kenangan (Istana Lembah/Istana Tepas) juga tidak kurang hebatnya dalam mempamerkan keindahan senibina dan pertukangan Melayu Perak. Konsep binaannya terinspirasi daripada bentuk sebilah pedang. Istana berbumbung perabung pisang sesikat dan berdinding kelarai ini siap dibina pada tahun 1931. Ia juga terletak di Kuala Kangsar dan dijadikan istana tempat bersemayam Sultan Iskandar Shah (Sultan Perak ke-30) sementara Istana Negara dirobohkan dan digantikan dengan Istana Iskandariah. Istana Iskandariah yang juga terletak di Kuala Kangsar atau secara tepatnya di Bukit Chandan, dibina pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Shah (1918-1938) iaitu pada tahun 1933. Ia merupakan sebuah istana yang mempunyai 3 tingkat dan ia menghadap ke arah Sungai Perak yang indah. Senibinanya dipengaruhi senibina Islam-India dan Asia Barat yang sarat dengan hiasan-hiasan tersirat melambangkan Islam sebagai pasak dan asas sistem pemerintahan serta keharmonian hubungan antara sultan dan rakyat (Jabatan Muzium Malaysia, 2004; Pejabat D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Perak, n.d).

Antara makam-makam diraja yang terdapat di sepanjang lembangan Sungai Perak adalah seperti makam Sultan Ali Al-Mukammal Inayat Shah (1865-1871) yang dikatakan almarhum dimakamkan sebulan selepas kemangkatan baginda akibat masalah penggantian takhta dan makam Sultan Yusuf Sharifuddin Mudzaffar Shah (1886-1887) di Sayong. Di Kampung Terengganu, Teluk Mak Intan pula terdapat makam Sultan Perak ke-22; Sultan Abdullah Muhammad Shah 1 (1851-1857).

Pemangkin Kemajuan Sosioekonomi

Sungai Perak juga merupakan nadi utama dalam industri bijih timah. Perak memang terkenal sebagai negeri pengeluar bijih timah yang menjadi sumber kekayaan negeri. Projek mendulang serta melombong bijih timah wujud di Bidor, Chenderiang, Kinta, Kampar, Batang Padang, Bakau, dan Budara. Laksamana Perak mendirikan kediamannya di tempat yang strategik iaitu di Kuala Bidor agar beliau mudah mengawal aktiviti import dan eksport. Beliau

bertanggungjawab mengawasi kapal-kapal yang memungut bijih timah di situ dan berlayar di sepanjang Sungai Perak hingga ke Selat Melaka (Khoo, 1982). Perusahaan bijih timah pada asalnya diusahakan oleh pelombong Melayu menggunakan kaedah tradisi. Pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Mansur Shah iaitu antara tahun 1773 dan 1786, terdapat kira-kira 30,000 orang Melayu menetap di pinggir Sungai Perak dan merupakan pengusaha utama bijih timah di tebing sungai tersebut. Namun, pada kurun ke-19, pelombong Cina dibawa masuk meneroka ke seluruh Perak. Bermula dari saat itu, Sungai Perak kian senantiasia sibuk dengan kapal-kapal yang membawa bijih timah dari kawasan pedalaman untuk dibawa ke Pulau Pinang.

Durian Sebatang dan Teluk Mak Intan juga disebut sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan yang hebat dalam memberikan perkhidmatan kepada kawasan Bidor dan Tapah. Teluk Mak Intan terletak bersempadan dengan Durian Sebatang. Menurut sumber lisan, Teluk Mak Intan diasaskan oleh seorang saudagar wanita yang cantik, lemah-lembut, dan pemurah berketurunan Mandailing dari Sumatera, Indonesia. Beliau sering berulang-alik dari Sumatera ke Kampung Durian Sebatang untuk berdagang barang-barangnya seperti rempah-ratus, kacip, kain, dan inggu iaitu sejenis ubat daripada getah kayu. Beliau dianggap sebagai ketua oleh penduduk setempat. Beliau adalah figura berpengaruh yang meneroka Teluk Mak Intan sebagai pusat perdagangan yang baharu kerana kedudukan yang lebih mudah dimudik dari Sumatera dan tidak terlalu jauh ke dalam berbanding Durian Sebatang. Selain itu, tebingnya juga kukuh, perairannya dalam, dan ia bebas dari masalah banjir (Zabidin, 2014; Khoo, 1982).

Pada tahun 1877, Residen British ketiga di Perak iaitu Hugh Low membuat keputusan untuk mendirikan sebuah bandar baru di Teluk Mak Intan (dikenali juga sebagai Teluk Anson dari tahun 1882 hingga 1982 dan Teluk Intan dari 1982 hingga sekarang) bagi menyusun atur sebuah bandar yang lebih terancang. Walaupun bandar baru tersebut dijadikan pusat pentadbiran Hilir Perak yang baharu, namun oleh kerana peranan penting yang dimainkan oleh Durian Sebatang sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan, sebatang terusan telah digali bagi menghubungkan bandar baru di Teluk Mak Intan dan Durian Sebatang. Usaha membuat terusan ini dimulakan pada September 1881 setelah dipersetujui oleh Sir Frederick A. Weld, Gabenor Negeri-negeri Selat dan ia siap dibina pada tahun 1884. Pembinaan terusan ini menyumbang kepada kemajuan pelabuhan Teluk Anson. Ia amat bermanfaat untuk penduduknya kerana ia menjimatkan jarak perjalanan iaitu sebanyak 8 batu berbanding sebelumnya. Penduduk tempatan menggunakan terusan ini terutamanya dalam aktiviti import dan eksport antara Kinta dan Teluk Anson. Kenderaan air yang digunakan adalah sampan, perahu, lading, dan sekuci yang dimuatkan dengan barang-barang keperluan penduduk kampung di pesisir Sungai Perak yang mereka tempuhi dalam perjalanan ke Kinta dan juga barang-barang kegunaan pekerja lombong bijih timah. Setibanya mereka di sesebuah kampung, gong dibunyikan. Maka, berkerumunlah para penduduk untuk membeli barang tersebut. Apabila mereka sampai ke Kinta, maka segala barang keperluan buat para pelombong dipunggah dan kemudian diisi pula dengan bijih timah untuk dibawa kembali ke Teluk Anson.

Pelabuhan Teluk Anson disinggahi oleh banyak kapal-kapal seperti Sea Belle, The Rapid, S.S. Kwan Tung, Mena, Ooriya, Snipe, Sri Kinta, Semiramis, dan S.S. Malacca. Dikatakan bahawa pada 1902, terdapat 514 kapal berlabuh di Teluk Anson dan jumlahnya meningkat ke 640 kapal pada 1903. Pembinaan dermaga dan jeti yang moden serta gudang-gudang penyimpanan bijih timah merancakkan lagi aktiviti mengangkut dan memunggah bijih timah sehingga Teluk Anson merekodkan peningkatan signifikan dalam jumlah bijih timah dieksport dan cukai yang

diperoleh iaitu \$3,285,107 pada tahun 1908 berbanding \$5,784.62 pada tahun 1891 (Khoo, 1982).

Selain bijih timah, Sungai Perak juga menjadi saksi kemasyhuran perdagangan yang dijalankan di pelabuhan Teluk Anson. Terdapat dua kategori perdagangan yang dijalankan di pelabuhan tersebut; domestik dan antarabangsa. Perdagangan domestik melibatkan jualan buah-buahan, padi, atap, daun nipah, serta hasil hutan seperti rotan dan kayu-kayan. Barang-barang ini tiba di jeti Teluk Anson dengan perahu dan sampan yang kemudiannya bertukar tangan dengan saudagar Cina. Seterusnya, saudagar Cina inilah menghantar barang-barang tersebut ke pusat-pusat jualan di tengah bandar dan di pasar-pasar.

Dalam satu laporan berkenaan eksport buah-buahan dari Teluk Anson pada 1891, ia menjana pendapatan yang besar bagi Hilir Perak. Sejumlah 74,860 biji durian yang dieksport memberi pulangan sebanyak 3,743 ringgit, 850,400 biji manggis sebanyak 14,252 ringgit dan 650,400 biji rambutan memberi pulangan sebanyak 1,040 ringgit. Atap pula menyumbang sejumlah \$14,400 buat daerah Hilir Perak. Bagi perdagangan antarabangsa pula, bijih timah merupakan eksport terbesar di pelabuhan Teluk Anson. Di samping itu, terdapat juga eksport daun nilam untuk minyak wangi. Selain aktiviti eksport, kegiatan import juga dijalankan seperti aktiviti import garam, beras, gambir, candu, dan arak dibawa dari Pulau Pinang ke Teluk Anson. Pelabuhan ini kemudiannya dipindahkan ke pinggir Sungai Perak yang lain iaitu Batak Rabbit sebagai langkah menghadapi masalah hakisan Sungai Perak di Teluk Anson (Khoo, 1982).

Pelabuhan baharu di Batak Rabbit dibuka pada 24 Mac 1909. Disebabkan ia terletak di perairan yang lebih dalam berbanding Teluk Anson, ia memudahkan kapal-kapal besar berlabuh berhampiran jeti kerana kapal-kapal tersebut bebas bergerak dan berpusing di situ. Ternyata pelabuhan baharu ini berupaya menarik kapal-kapal besar untuk berlabuh di situ sekaligus merencanakan lagi aktiviti perdagangan di Sungai Perak. Sebanyak 680 buah kapal dengan berat muatan 152,145 tan dilaporkan berlabuh di situ pada 1909 dan bilangannya meningkat ke 266,597 tan pada tahun 1920. Pelabuhan ini kekal sibuk dan maju sehingga Perang Dunia Kedua (Khoo, 1982).

Selain bijih timah dan aktiviti perdagangan, Sungai Perak juga membekalkan sistem saliran yang baik untuk penanaman padi. Terdapat ramai orang Melayu serta orang Banjar terlibat dengan aktiviti penanaman padi di sekitar muara Sungai Perak seperti di Teluk Anson, Bagan Datoh, Sungai Bahru, dan Kota Setia pada abad ke-20. Orang Jawa pula mengusahakan padi di sekitar Bagan Datoh sekitar tahun 1891 dan 1892, manakala orang Tamil (pada tahun 1889) dan orang Cina (pada tahun 1892) di kawasan antara Teluk Anson dan Batak Rabbit (Khoo, 1982).

Sungai Perak juga berjasa dalam membekalkan sumber semulajadi pohon nipah yang terdapat di kawasan tebing-tebing sungai sekeliling bandar Teluk Anson kerana nipah mudah hidup di kawasan sungai yang berlumpur. Nipah ialah bahan yang penting dalam perusahaan membuat atap. Sekitar tahun 1800-an, atap banyak dieksport ke Deli kerana ia amat diperlukan di ladang-ladang tembakau di Deli. Pada tahun 1891, hasil atap mampu menjana pendapatan sebanyak \$106,065.25 bagi 22,412,641 keping jualanannya. Sama seperti nipah, damar juga banyak terdapat di Sungai Perak iaitu tidak jauh dari pelabuhan lama Teluk Anson. Ia akan kelihatan di dasar sungai iaitu bercampur dengan pasir sungai apabila air surut. Penduduk tempatan mengutip damar tersebut sama ada untuk kegunaan sendiri atau untuk dijual. Agak menarik

kerana dikatakan kawasan yang penuh damar ini kemudiannya digelar sebagai Pasir Berdamar sehingga ke hari ini (Khoo, 1982).

Penempatan Penduduk

Sejak zaman Paleolitik lagi, masyarakat gemar menjadikan pinggir sungai sebagai penempatan mereka. Ini disebabkan oleh ciri-ciri unik sungai yang menjadi sumber bekalan air dan makanan, serta berdekatan dengan pusat aktiviti ekonomi iaitu perdagangan tradisional. Penduduk di Teluk Mak Intan misalnya, telah lama mendirikan rumah mereka di pinggir Sungai Perak. Ada yang mendiami rumah rakit dan ada juga mendiami tongkang atau sampan yang hanya beratapkan daun nipah. Penghuni awal ini terdiri daripada pelbagai etnik seperti Mandailing, Rawa, Kampar, Minangkabau, Natar, India Bombay, serta sebahagian orang Cina (Mohamad Sayuti, 1982).

Sungai Perak Saksi Kejadian Ajaib dan Tragedi

Negeri Perak sememangnya kaya dengan warisan khazanah dan sejarahnya. Ini termasuk kejadian-kejadian ajaib serta tragedi yang menambahkan keunikan dan keistimewanya. Antara kejadian yang paling masyhur adalah kejadian yang berlaku di Beting Beras Basah, di Kuala Sungai Perak iaitu ketika bahtera diraja sultan Perak yang pertama; Sultan Mudzaffar Shah tersangkut di tengah-tengah sungai. Menurut cerita lisan yang diperolehi daripada Sultan Perak ke-33; Almarhum Sultan Idris Almutawakkil Alallah Shah Ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah, ia disebabkan kewujudan beting pasir yang tiba-tiba muncul di Beting Beras Basah. Beting pasir itu hilang setelah Sultan Mudzaffar Shah bertitah:

*"Sekongkong Tanah Minangkabau
Selilit Pulau Perca
Di lengkong ular Saktimuna
Perpisahan Beta di Selat Melaka
Jika sah Beta Raja berdaulat
Lepaskan sekalian malapetaka."*

Selepas baginda bertitah, bahtera baginda pun bergerak semula. Orang-orang Besar dan rakyat jelata menyambut baginda dengan menyebut "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali berturut-turut. Baginda kemudiannya ditabalkan sebagai Sultan Perak yang pertama di satu tempat bernama Tanah Abang (Pejabat D. Y. M. M Paduka Seri Sultan Perak, n.d.)

Kejadian ajaib yang lain pula berkaitan dengan kejadian ghaibnya Sultan Mansur Shah I (sultan Perak ke-2) ketika baginda sedang menunaikan solat Jumaat di masjid Kota Lama Kanan. Baginda dikatakan telah ghaib kerana puteranya iaitu Sultan Alauddin Mansur Shah (Sultan Aceh) menghantar beberapa orang yang mempunyai kepakaran dalam ilmu ghaib untuk menculik baginda yang berada di Kota Lama Kanan. Pengikut-pengikut baginda tidak menyedari hal tersebut, maka mereka percaya bahawa sultan telah ghaib ketika sedang solat. Bagi memperingati peristiwa tersebut, sebuah batu tanda telah dibina di masjid tersebut dan masih kekal terpelihara sehingga ke hari ini (Abdul Halim, 2005).

Satu lagi kisah ajaib yang berlaku adalah mengenai kisah ghaib Sultan Muda Raja Ahmad Shah iaitu putera kepada Sultan Perak ke-19; Sultan Abdul Malik Mansur Shah (1806-1825). Sultan Muda Raja Ahmad Shah merupakan seorang yang arif dalam Istiadat Pertabalan Diraja Perak. Baginda mempunyai peranan yang penting dalam Istiadat Pertabalan Sultan-sultan Perak dan juga bertanggungjawab berkaitan hal ehwal makhluk-makhluk ghaib di Beting Beras Basah dan

sepanjang Batang Air Sungai Perak. Walaupun wujudnya makam baginda di Kuala Sungai Terus, Mukim Pasir Panjang Laut, namun ia cuma sebuah batu peringatan kerana baginda dikatakan hilang begitu sahaja tanpa jejak (Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Perak, n.d.)

Selain itu, Sungai Perak juga menyaksikan semangat kepahlawanan dan daya juang orang Perak dalam mempertahankan kedaulatan negerinya daripada diceroboh oleh kuasa luar. Misalnya pada tahun 1651, orang Perak menyerang orang Belanda yang berada di loji bijih timah yang didirikan oleh Belanda di Kuala Sungai Perak. Ini disebabkan Belanda keterlaluan dalam membolot hasil bijih timah di Perak apabila ia menyekat perairan Perak daripada orang luar yang mahu membeli bijih timah di Perak. Sebaliknya, hanya Belanda sahaja memonopoli industri tersebut sebagai kuasa tunggal yang berhak membeli bijih timah yang banyak terdapat di lembangan Sungai Perak dan Sungai Dinding. Namun, setelah peristiwa berdarah yang berlaku di loji pada tahun 1651 itu, Belanda tidak lagi datang membeli bijih timah di Perak (Abdul Halim, 2005).

Satu lagi kisah tragedi yang membuktikan semangat daya juang yang tinggi menentang kuasa luar ialah kisah pembunuhan Residen British pertama di Perak iaitu J.W.W. Birch. Kehadiran Birch memang tidak disenangi oleh para Sultan dan pembesar tempatan terutama berkaitan dengan hal ehwal memungut cukai dan hasil dalam negeri, serta tentang adat hamba abdi yang berhutang. Konflik memuncak apabila Birch dikatakan keterlaluan apabila beliau menyebabkan seorang pembesar iaitu Dato' Shahbandar dibuang negeri dan beliau juga mengancam Sultan Perak ke-26; Sultan Abdullah Muhammad Shah II (1874-1876) agar diturunkan dari takhta kerajaan jika surat pengisytiharan berkaitan hak pungutan cukai di negeri Perak tidak ditandatangani oleh baginda pada 21 Julai 1875. Maka, pada 21 Mei 1875, satu persidangan telah diadakan di Durian Sebatang yang memberi kata sepakat menyokong apa-apa tindakan mengusir orang Inggeris termasuk tawaran Orang Besar Pasir Salak iaitu Maharaja Lela untuk membunuh Birch. Surat pengakuan membenarkan Maharaja Lela telah diberikan oleh Sultan Abdullah pada 1 Oktober 1875. Akhirnya, pada 2 November 1875, Birch telah ditikam dari luar tempat mandinya di Pasir Salak. Menurut Sweetenham (1895), Birch ditikam dengan senjata seperti lembing menerusi dinding tempat mandinya yang nipis dan menyebabkan beliau jatuh ke sungai. Beliau kemudiannya timbul di permukaan air, namun ditusuk dengan senjata tajam yang menyebabkannya tenggelam. Begitulah kesungguhan yang mempamerkan daya juang yang tinggi di kalangan penduduk Perak dalam mempertahankan hak mereka daripada dicabuli pihak penjajah.

Kesimpulan

Tidak dapat diragukan lagi bahawa hubungan antara Sungai Perak dan peradaban yang tercipta daripadanya adalah satu hubungan yang saling berkaitan. Sejak zaman-berzaman lagi, sungai sememangnya memainkan peranan yang penting dalam perkembangan peradaban sesuatu masyarakat. Sungai Perak khasnya, memacu kemajuan teknologi, politik, ekonomi, agama, sosio-budaya, serta mencetus revolusi pemikiran dan perjuangan yang tidak bersyarat dalam mempertahankan peradaban yang sudah terbina sejak sekian lamanya. Sungai Perak kekal menjadi nadi dan penguat semangat anak negeri dalam menjunjung kedaulatan Perak agar sentiasa terlestari walau ditembusi arus permodenan.

Rujukan

- Abdul Halim, N. (1997). Sejarah Perak Siri Pertama, Jabatan Muzium : Kuala Lumpur.
- Abdul Halim, N. (2005). *Lembangan sungai dalam peradaban Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azniza, A. Z., Suria Fadhillah, M. P. & Mohamad Azmi N.A. (2015). Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan: Warisan Persuratan Melayu Negeri Perak. *Koferensi Akademik KONAKA*, November 2015. 87-93.
- Jabatan Muzium Malaysia. (2004). *Khazanah Warisan Sungai Perak*.
- Khoo, K. K. (1982). *Telok Anson (Teluk Intan) 100 tahun*. Kuala Lumpur: United Selangor Press.
- Mohd Sabrizaa, A. R., Norhasandi, M. & Sufian, C. A. (2009). Reinventing Sungai Perak: An issue on socio-cultural marginalisation. *The International Geographical Union (IGU) Commission on Marginalization, Globalization and Regional and Local Responses Conference 2009*, 6th to 8th July 2009, UiTM Shah Alam, Malaysia.
- Mokhtar, S. & Jeffrey, A. (2007). Sungai Perak Kuno: Sumbangannya kepada Zaman Paleolitik Malaysia. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 20: 14-21.
- Mokhtar, S. (1997). Kajian perbandingan tapak Paleolitik Kampung Temelong dengan Kota Tampan dan sumbangannya terhadap kebudayaan Pleistosen Akhir di Asia Tenggara. *Malaysia Museums Journal*, 32.
- Mokhtar, S. (1998). *Kebudayaan Paleolitik di Malaysia: Sumbangan tapak Lawin, Perak dan Tingkayu*. Sabah: Universiti Sains Malaysia.
- Mokhtar, S. (2006a). Kebudayaan Paleolitik Malaysia. *PURBA*, 25: 38-53.
- Mokhtar, S. (2006b). Bukit Bunuh, Lenggong, Perak: Sumbangannya kepada arkeologi dan geologi negara. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. 19:1-14.
- Pejabat D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Perak. Laman web rasmi. <http://sultan.perak.gov.my>
- Rohani M.M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap Kesiediaan Pelajar Dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, Dan Kandungan (TPACK) Dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang.
- Sweetenham, F. (1895). *Malay Sketches*. London: John Lane.
- Zabidin, I. (2014). *Menara Condong Teluk Intan*. Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Zuraina, M. (1989). Tampanian problem resolved: Archaeological evidence of a late pleistocene workshop. *Modern quaternary research in Southeast Asia*, 11: 71-96.
- Zuraina, M. (1997). The discovery of Bukit Jawa, Gelok, a middle-late Paleolithic site in Perak. *Journal of the Malaysian branch of the royal Asiatic Society*